

Agong Bangga Pelabur Malaysia Hulur Sumbangan Dalam Aspek Sosial, Kebajikan Di Vietnam

Bernama

7 Sept, 2013

Daripada Siti Aisyah Harun

HANOI, 7 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah memuji komitmen pelabur Malaysia di Vietnam, yang bukan sahaja memastikan pelaburan mereka mendatangkan faedah dari segi wang ringgit malah turut menyumbang kepada aspek sosial dan kebajikan rakyat tempatan.

"Banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan menerusi projek yang berdaya saing, dan kesannya kepada ekonomi negara ini adalah begitu positif," titah baginda pada majlis santapan bersama rakyat Malaysia di sini Sabtu malam sempena lawatan negara empat hari ke Vietnam bermula Khamis lepas.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Seri Paduka turut melahirkan keyakinan bahawa syarikat Malaysia di Vietnam akan sentiasa menunjukkan budaya perniagaan yang baik serta ditunjangi sikap profesionalisma yang tinggi.

Baginda bertitah terdapat banyak potensi yang wujud dalam pelbagai bidang di negara ini dan Malaysia boleh berkongsi kepakarannya bagi membantu Vietnam terus membangun dengan pesat.

"Adalah penting bagi kerajaan untuk meningkatkan hubungan persahabatan yang sedia terjalin, di samping meneruskan kerjasama erat di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dengan negara ini," titah baginda.

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah turut melahirkan rasa sukacita baginda atas penglibatan aktif rakyat Malaysia di Vietnam dalam pelbagai aktiviti yang dapat mengeratkan lagi hubungan penduduk kedua-dua negara.

Pada masa ini, terdapat lebih 300 rakyat Malaysia yang berdaftar menetap di Hanoi dan kira-kira 650 orang di bandar Ho Chi Minh dengan sebilangan besar mereka terlibat dalam pelbagai perniagaan serta pelaburan.

Baginda juga berharap rakyat Malaysia sentiasa menjaga nama baik serta imej negara selain menghormati adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan.

"Ingatlah, bahawa setiap apa yang kita lakukan akan membawa kesan kepada imej negara, dan kita tidak mahu ia tercalar hanya kerana tindakan yang didorong oleh hawa nafsu semata-mata," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976029>